

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PELAJAR CEMERLANG SPM DIJAMIN MENDAPAT TEMPAT
UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN KE
PROGRAM MATRIKULASI KPM ATAU PROGRAM-PROGRAM KPT**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyahut saranan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk memberi tempat kepada pelajar cemerlang yang mendapat keputusan 10A dan ke atas dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan memohon untuk melanjutkan pengajian akan mendapat tempat tanpa mengira kaum atau latar belakang.

Bagi mencapai maksud tersebut, KPM akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi menyaring jumlah pelajar cemerlang 10A yang telah membuat permohonan ke program matrikulasi KPM atau program-program melalui UPUOnline[®] oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA). Ini bagi membolehkan mereka yang tidak ditawarkan tempat dapat diselaras semula tawaran berdasarkan kepada pilihan program pelajar.

Tawaran tempat dan jurusan adalah bergantung kepada kelayakan calon dan kekosongan Program Matrikulasi KPM manakala KPT akan fokus kepada kemasukan program-program asasi dan diploma di Universiti Awam.

Ketetapan ini dibuat bagi memastikan pelajar cemerlang SPM dan daripada keluarga B40 mendapat peluang untuk melanjutkan pengajian. Pada masa yang sama sistem kuota bumiputera sedia ada bagi Program Matrikulasi KPM kekal dan tidak terjejas.

Kerajaan MADANI komited memastikan akses pendidikan dapat dipertingkatkan demi manfaat semua pelajar yang merupakan aset masa hadapan negara.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
1 JULAI 2024